



Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jld.4( 2 )

Tarikh : 14 April 2021

**KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)**

Tuan/Puan,

**SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 4/2021**

**PENGGUNAAN ISTILAH YANG MERUJUK KEPADA TAHAP KELAYAKAN KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA (MALAYSIAN QUALIFICATIONS FRAMEWORK, MQF) PADA PENAMAAN PROGRAM**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seksyen 98 dalam Akta Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) 2007 [Akta 679] menyatakan bahawa "Mana-mana orang yang tidak diberikan akreditasi di bawah Akta ini yang mengeluarkan atau menganugerahkan apa-apa kelayakan pendidikan tinggi yang didakwa sebagai mematuhi Kerangka melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya."
3. Pekeliling MQA Bil. 3/2013: Penggunaan Standard Diploma Eksekutif bertarikh 15 April 2013 menyatakan bahawa Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang menawarkan program Diploma Eksekutif yang tidak memenuhi keperluan Tahap 4 MQF perlu menggugurkan penggunaan perkataan 'Diploma' pada penamaan program.
4. Surat Makluman MQA Bil. 3/2017: Penawaran Program 'Eksekutif' atau 'Profesional' yang Tidak Diakredit oleh MQA bertarikh 14 April 2017 menyatakan bahawa PPT yang menawarkan program 'eksekutif' atau 'profesional' yang tidak setara dengan mana-mana tahap kelayakan MQF dan tidak diakredit oleh MQA dinasihatkan untuk memaklumkan status sebenar program/ kelayakan kepada pelajar. Program/ kelayakan tersebut seharusnya tidak diiklankan atau dipromosikan bersama-sama dengan program/ kelayakan lain yang telah mendapat akreditasi MQA supaya tidak menimbulkan keraguan dan kekeliruan kepada masyarakat umum. PPT yang gagal mematuhi ketetapan ini, apabila disabitkan kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM 200,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

5. Situasi semasa berhubung pengendalian program pendidikan tinggi yang tidak disetarakan dengan tahap kelayakan MQF dan tidak melalui proses akreditasi MQA telah dibincangkan dan diputuskan dalam Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti Kementerian Pengajian Tinggi-Agensi Kelayakan Malaysia (MKSDJK KPT-MQA) Bil. 1/2021 bertarikh 12 Mac 2021.

6. Bagi memastikan kelangsungan variasi penawaran program/ kelayakan yang memfokus kepada *professional development* atau *career advancement*, berikut merupakan ketetapan yang perlu dipatuhi oleh PPT:

- i) PPT yang ingin menawarkan program yang tidak memenuhi mana-mana tahap kelayakan MQF (tertakluk kepada kelulusan KPT) tidak dibenarkan menggunakan istilah yang merujuk kepada tahap kelayakan MQF pada penamaan program (Contoh: Diploma atau Sarjana).
- ii) PPT dibenarkan menggunakan istilah 'eksekutif' atau 'profesional' bagi program yang berbentuk *Continuous Professional Development* (CPD) dan tidak merujuk kepada mana-mana tahap kelayakan MQF pada penamaan program (Contoh penamaan: Executive Programme in Management). Dalam hal ini, calon pelajar perlu dimaklumkan dengan jelas tentang status sebenar program yang tidak melalui akreditasi MQA.
- iii) PPT yang ingin menggunakan istilah yang merujuk kepada tahap kelayakan MQF pada penamaan program (Contoh: Diploma atau Sarjana) perlu menyetarakan program dengan mana-mana tahap kelayakan MQF dan melalui akreditasi MQA.

7. PPT dimohon mengambil perhatian yang sewajarnya bagi memastikan jaminan kualiti program/ kelayakan pendidikan tinggi di Malaysia dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur.

Sekian, terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**PROF. DATO' DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)**